

Orang Asli dan Dasar Tanah: Tinjauan Awal di Tapah, Perak

HASAN MAT NOR

ABSTRAK

Artikel ini cuba membincangkan tentang kesan Akta 134 (Akta Orang Asli 1954 disemak semula pada tahun 1974) terhadap kehidupan masyarakat Orang Asli masa kini. Didapati Akta ini telah menimbulkan kesan yang negatif, khususnya dalam aspek pembangunan ekonomi masyarakat tersebut. Dalam kajian kes di Tapah, Perak, didapati kebanyakan Orang Asli tidak lagi mengamalkan pertanian secara berhuma ataupun pertanian kekal, tetapi kembali kepada kegiatan memungut dan mengumpul hasil hutan untuk memenuhi keperluan menyara hidup harian. Keadaan yang demikian boleh menghalang usaha mengintegrasikan masyarakat ini ke dalam masyarakat Malaysia yang lebih luas.

ABSTRACT

This article discusses the effect of ACT 134, (Aboriginal People Act 1954 and revised 1974) on the life of the aborigines (Orang Asli). It is found that the Act had brought about negative impacts, particularly in the field of Orang Asli economic development. In the case study in Tapah, Perak, it was found that most of the Orang Asli communities have stopped practising swidden agriculture but have instead resorted to collecting jungle produce to earn their living. This situation if left unchecked will probably undermine the process of integrating them into the wider Malaysian society.

Masyarakat Orang Asli yang kini berjumlah lebih daripada 70,000 jiwa dan terdiri daripada tiga kategori etnik yang utama dikenali sebagai Negrito, Senoi dan Melayu Proto adalah penduduk bumiputra asal Malaysia. Adalah menjadi satu kenyataan sejarah bahawa mereka telah ada di rantau ini jauh lebih awal daripada Orang Melayu, Cina dan India (Carey 1976: 5). Malah konotasi daripada gelaran Orang Asli yang diberikan kepada kumpulan penduduk asal ini memberikan implikasi pengabsahan bahawa kumpulan merekalah merupakan penghuni awal wilayah ini. Namun jika dibandingkan taraf kehidupan mereka dengan golongan rakyat yang datang lebih kemudian, ternyata kumpulan masyarakat Orang Asli telah tercicir jauh di belakang ditinggalkan oleh

arus pembangunan negara yang tanpa disengajakan telah meminggirkan mereka daripada program pembangunan. Hal ini mungkin terjadi kerana bilangan mereka yang terlalu kecil dan tidak signifikan kepada kepentingan politik pemerintah. Justeru kerana bilangan yang kecil dan terperangkap pula dalam kemiskinan pengetahuan moden dan material, masyarakat ini tidak berupaya mewujudkan suatu tekanan politik yang berkesan supaya pembangunan dan perubahan dapat mereka nikmati selaras dengan kumpulan masyarakat Malaysia yang lain. Oleh yang demikian kebanyakan pembangunan yang disalurkan kepada masyarakat itu lebih merupakan sumbangan ehsan kerajaan semata-mata dan bukan merupakan sesuatu yang diperjuangkan atau dituntut oleh masyarakat tersebut. Justeru keadaan tersebut masyarakat Orang Asli di Malaysia lebih merupakan masyarakat yang menerima daripada masyarakat yang berjuang untuk memperoleh pembaharuan dan kemajuan. Sehubungan dengan sikap yang sebegini rupa, maka keadaan kehidupan dan masa hadapan mereka sangat-sangat bergantung kepada hasrat dan sikap pemerintah yang menentukan dasar-dasar pembangunan untuk mereka. Sumbangan daripada mereka sendiri dalam menentukan arah dan maruah serta masa hadapan mereka sangat sedikit kerana saluran yang wujud untuk menyatakan hasrat mereka begitu terhad sekali berbanding dengan kaum-kaum Malaysia yang lain.

DASAR KERAJAAN TERHADAP ORANG ASLI

Perhatian yang diberikan oleh kerajaan terhadap masyarakat Orang Asli ini bukan merupakan satu perkara yang baru. Sejak dari zaman penjajah lagi, iaitu pada tahun 1950 sebuah jabatan yang dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah ditubuhkan. Tujuan utama penubuhan jabatan tersebut ialah untuk melindungi orang asli daripada dipengaruhi oleh pergerakan Pengganas Komunis yang pada ketika itu berjuang menentang kerajaan. Untuk memperkuatkan lagi kekuasaan kerajaan penjajah dalam mengawal dan mentadbirkan kehidupan kumpulan masyarakat ini, pada 25 Februari 1954 sebuah Akta yang dikenali sebagai Akta 134, Akta Orang Asli 1954 telah diperkenalkan. Akta ini seterusnya menjadi garis panduan yang menentukan dasar kerajaan dalam urusan mentadbirkan masyarakat tersebut. Akta ini telah menyediakan peruntukan kepada kerajaan untuk menjaga dan melindungi masyarakat Orang Asli. Sebanyak 19 seksyen telah dimaktubkan dalam Akta 134 ini yang meliputi aspek-aspek seperti pentakrifan siapa yang dikatakan sebagai Orang Asli dari segi undang-undang, pentadbiran Orang Asli, perlantikan Pesuruhjaya dan timbalannya yang menguruskan pentadbiran orang asli, perkara-perkara yang menyangkut kawasan Orang Asli,

perlantikan ketua, pelajaran dan larangan mengambil Orang Asli sebagai anak angkat. Daripada 19 seksyen yang dimaktubkan itu 10 daripadanya, iaitu mulai seksyen 6 hingga 15 menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan kawasan kediaman iaitu tanah. Dalam hal ini pun penekanan yang diberikan oleh seksyen-seksyen tersebut lebih memberikan perhatian kepada hak dan kuasa pihak kerajaan dalam menentukan kawasan yang boleh didiami oleh Orang Asli serta tanggungjawab mengawal aktiviti masyarakat tersebut. Dari sudut Akta ini Orang Asli hanya diberi hak menduduki sesuatu kawasan dan mengusahakan kawasan itu untuk tujuan menyara diri. Hak untuk memiliki tanah tersebut secara peribadi yang membolehkan mereka melakukan transeksi berhubungan dengan tanah itu tidak dimaktubkan. Sebaliknya yang ditekankan oleh Akta tersebut di bawah seksyen 12 ialah hak untuk menerima pampasan jika pokok-pokok atau kawasan mereka diambil oleh kerajaan. Perkara inilah sahaja keistimewaan hak yang diberikan di bawah Akta itu.

Apa yang jelas dapat dirasakan daripada Akta 134 yang diwujudkan pada tahun 1954 itu ialah satu sikap dan pandangan kerajaan British pada ketika itu terhadap masyarakat Orang Asli. Bagi mereka masyarakat Orang Asli adalah satu masyarakat yang primitif dan eksotik yang perlu dilindungi bagi tujuan mengekalkan tradisi hidup dan juga melindungi mereka daripada terperangkap ke dalam perubahan yang sedang berlaku ketika itu. Mengungkapkan semula pandangan Carey (1976: 289) tentang sikap kerajaan penjajah, beliau menyatakan:

...the attitude of the British colonial government from its early days until the coming of independence was somewhat unrealistic and one of patronizing benevolence towards the aboriginal tribes. The Orang Asli were regarded as noble savages, leading an idealized and romantic form of existence, and the task of the government was to protect them from the ravages of modern life.

Ringkasnya, dapat dikatakan falsafah yang terjelma dari semangat Akta 134 itu ialah untuk memelihara dan mengekalkan ketradisian masyarakat Orang Asli. Akibatnya mereka telah menjadi beku dan dielakkan daripada perubahan.

Pemikiran yang demikian berlanjutan sehingga tahun 1961 iaitu kira-kira 5 tahun selepas Malaya mencapai kemerdekaannya. Hanya pada tahun itu barulah pihak kerajaan yang baru ini mengistiharkan satu Dasar Pentadbiran Orang Asli yang lebih realistik dan berorientasikan perubahan dan pembangunan. Falsafah polisi ini ialah untuk mengintegrasikan masyarakat Orang Asli dengan masyarakat Malaysia seluruhnya melalui pemberian hak dan peluang seperti yang dinikmati oleh kaum-kaum lain yang dibenarkan oleh undang-undang dan perlembagaan negara. Tugas membangunkan sosio-ekonomi mereka supaya dapat dijadikan asas untuk mereka melibatkan diri dalam kegiatan pembangunan negara telah dipertanggung-jawabkan kepada Jabatan Hal

Ehwal Orang Asli. Sejak itu peranan JHEOA telah berubah daripada menjadi agen yang memberikan perlindungan kepada agen yang bertanggungjawab membawa perubahan.

Kini hampir 30 tahun telah berlalu sejak daripada Dasar Pentadbiran Orang Asli itu dilancarkan, namun pada hemat saya terlalu sedikit sekali daripada bilangan 70,000 Orang Asli yang itu yang dapat kita banggakan kerana telah mencapai taraf yang setanding dengan kaum-kaum lain dalam bidang ekonomi misalnya. Dalam bidang pelajaran juga bilangan mereka yang telah mencapai kejayaan dalam Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) terlalu kecil.

Mengapakah keadaan ini terjadi? Tentunya berbagai-bagai jawapan akan kita terima bagi menghuraikan masalah yang sedang melanda usaha memajukan masyarakat Orang Asli itu. Pihak yang melaksanakan program pembangunan akan meletakkan pokok kesalahan kepada masyarakat yang menjadi sasaran. Tuduhan-tuduhan seperti anggota masyarakat Orang Asli tidak mempunyai semangat, tiada inisiatif, malas dan mempunyai sikap negatif terhadap perubahan, tiada daya berdikari, degil dan berbagai-bagai tuduhan lagi dilemparkan untuk menjelaskan mengapa ahli masyarakat ini sukar dibangunkan. Jika ditanya pula kumpulan yang menjadi sasaran pembangunan, maka kegagalan dalam sesuatu program itu dilihat sebagai berpunca daripada kelemahan agensi yang melaksanakannya. Tuduhan-tuduhan seperti perancangan yang tidak teratur, pegawai yang tidak komited kepada tugas, penyelewengan dan sikap pihak perancang yang kurang mengambil kira kemahuan dan pandangan kumpulan sasar sentiasa menjadi alasan untuk menjelaskan mengapa sesuatu program itu kurang berjaya. Tidak kurang juga terdapatnya pendapat-pendapat yang melihat keciciran masyarakat Orang Asli ini dalam arus pembangunan berpunca daripada penindasan yang dilakukan oleh orang tengah. Dalam kertas ini saya tidak akan cuba memberikan penilaian tentang pendapat kumpulan manakah yang betul dan tepat. Tetapi apa yang akan saya lakukan ialah untuk memahami satu daripada isu yang penting dalam pembangunan masyarakat Orang Asli, iaitu isu tanah. Isu tersebut telah mendapat perhatian yang istimewa dalam Persidangan Pembangunan Orang Asli Semenanjung Malaysia yang berlangsung pada 8 November hingga 11 November 1989 yang lalu. Isu tanah ini perlu dibincangkan kerana tanah ternyata merupakan bukan sahaja sebagai ruang fizikal yang pokok untuk dijadikan tempat tinggal malah ia juga merupakan sumber yang mengizinkan masyarakat itu untuk bergiat menampung kehidupan mereka seharian. Justeru itu dalam usaha membangun dan memperbaiki taraf ekonomi masyarakat Orang Asli, pembangunan tanah seharusnya menjadi tunjang kepada pembangunan sosio-ekonomi dan juga pembangunan manusia. Tanpa pembangunan

ekonomi yang kokoh dalam masyarakat tersebut dikhuatiri pembangunan-pembangunan dalam aspek kehidupan yang lain tidak akan berkesan. Sehubungan dengan natijah ini dapat ditekankan, jika sekiranya kita berhasrat untuk mencapai matalamat yang dimaktubkan dalam Dasar Pentadbiran Orang Asli 1961 itu, maka usaha membangunkan ekonomi masyarakat Orang Asli perlu mendapat perhatian dan tindakan yang serius. Jika sikap kita masih tidak berubah, saya yakin keadaan hidup masyarakat Orang Asli ini akan tetap demikian adanya.

TANAH DALAM KEHIDUPAN ORANG ASLI

Siapa jua yang pernah mendampingi masyarakat Orang Asli menyedari betapa kegiatan hidup mereka dilaksanakan. Tanggapan yang melihat bahawa mereka ini hidup semata-mata sebagai pemburu dan pengeluar hasil hutan adalah satu tanggapan yang tidak tepat. Sehubungan dengan itu juga tanggapan bahawa Orang Asli itu hidup berpindah randah dari satu tempat ke tempat lain dan tidak pernah kekal di satu-satu kawasan menyebabkan kita berfikir dan merasakan bahawa tanah sebagai sumber utama dalam pengeluaran bukanlah perkara yang penting dalam sistem budaya Orang Asli. Hal ini disokong pula oleh sistem nilai yang terdapat dalam masyarakat tersebut di mana tanah tidak pernah dilihat sebagai sesuatu yang boleh dimiliki secara peribadi. Bagi mereka tanah adalah milik komuniti yang memberikan mereka hak untuk memburu, mengumpul dan mengusahakannya dan tidak memilikinya secara peribadi dan mewariskannya juga secara peribadi kepada anak-anak (Carey 1976; Dentan 1968). Kerana persepsi yang demikian itulah barangkali semangat Akta 134 yang menyentuh soal tanah dan pemilikannya demikian sifatnya. Masyarakat Orang Asli hanya diberi taraf hak mengguna dan bukan hak memiliki tanah tersebut secara peribadi. Kerana itu akta ini tidak mengizinkan mereka hak melakukan sebarang transeksi terhadap sumber tersebut. Sifat akta yang menghalang ahli masyarakat Orang Asli memiliki tanah ini telah menjadikan masyarakat tersebut sebagai golongan rakyat yang termiskin di negara ini.

Dalam Akta ini juga hak mewartakan sebarang kawasan sebagai Kawasan Orang Asli atau Rizab Orang Asli adalah terletak dalam tangan Pihak Berkuasa Negeri dan bukan Kerajaan Persekutuan. Adalah menjadi satu *irony* apabila tanggungjawab menjaga kebajikan dan usaha membangunkan Orang Asli itu ditangani oleh JHEOA dan Kerajaan Persekutuan, tetapi kuasa mewartakan kawasan Orang Asli itu berada pula dalam tangan Kerajaan Negeri. Kerana pengagihan kuasa dan tanggungjawab ini demikian, usaha membangunkan masyarakat Orang

Asli menjadi rumit. Akta tersebut tidak mewajibkan Kerajaan Persekutuan merizabkan tanah atau kawasan Orang Asli. Akta itu hanya menyatakan bahawa pihak berkuasa negeri bolehlah mengistiharkan melalui Warta Kerajaan mana-mana kawasan yang diduduki oleh Orang Asli sebagai satu rizab atau kawasan Orang Asli. Implikasi daripada kedudukan peruntukan yang demikian ialah mewujudkan satu suasana kelonggaran bagi pihak berkuasa negeri untuk memilih sama ada ingin mewartakan sesebuah kawasan itu sebagai kawasan Orang Asli atau pun tidak. Sebarang penentuan dalam hal ini dibuat oleh kerajaan negeri berdasarkan prioriti ekonomi dan politik sesebuah negeri itu. Kepentingan masyarakat Orang Asli jarang-jarang menjadi suatu keutamaan bagi sesebuah negeri, kecuali jika ia melibatkan soal keselamatan negara. Hal ini akan menentukan sama ada sesebuah kawasan itu boleh diwartakan sebagai kawasan Orang Asli ataupun sebaliknya.

Selain daripada kurangnya kuasa Kerajaan Persekutuan dalam proses penentuan Kawasan atau Rizab Orang Asli ini, Seksyen 8 dalam perkara 2c Akta 134 ini juga telah menggariskan jenis hak menduduki sesuatu kawasan itu kepada Orang Asli. Mengikut Akta itu "hak menduduki boleh diberi dan hendaklah disifatkan sebagai tidak memberikan kepada seseorang itu hakmilik yang lebih baik daripada hak milik seseorang tenan ikut ehsan." Sebagai satu keistimewaan dalam menggunakan tanah-tanah tersebut, Orang Asli adalah bebas daripada membayar cukai atau apa-apa sewa terhadap penggunaan tanah tersebut.

Jika sekiranya kehidupan masyarakat Orang Asli itu masih 'primitif' sifatnya, iaitu masih memburu dan mengumpul dan hidup terus berpindah-randah, maka Akta 134 itu dan khususnya seksyen-seksyen yang menyentuh hak milik tanah amat sesuai dikuatkuasakan. Tetapi sesuatu yang harus disedari ialah masyarakat Orang Asli hari ini bukan lagi demikian keadaannya. Mereka tidak lagi merupakan masyarakat terasing dan terpisah daripada sebarang perubahan dan pembangunan negara. Kegiatan ekonomi mereka telah turut berubah dan dipengaruhi oleh sistem pasaran antarabangsa. Hari ini sebahagian besar daripada mereka terlibat dalam kegiatan pertanian dan justeru itu mereka telah tinggal kekal di kawasan-kawasan tertentu. Hidup berpindah randah hanya merupakan amalan masa silam. Gambaran tentang kegiatan hidup mereka masa kini banyak dibicarakan oleh ahli-ahli antropologi luar dan tempatan. Misalnya tulisan oleh Coillard 1980; Voon et al. 1979; Carey 1979; Gall 1977; Tamadan 1976; Hood 1980; Endicott 1973; Gomes 1986 dan banyak lagi tulisan-tulisan lain yang tidak perlu disebutkan di sini membicarakan kegiatan hidup masyarakat Orang Asli yang kini sangat bergantung kepada tanah. Dalam hal ini tidaklah pula dapat kita nafikan bahawa beberapa kegiatan menghasilkan keluaran-keluaran hutan seperti

rotan, damar, gaharu dan buah-buahan masih dijadikan kegiatan sampingan oleh Orang Asli. Kegiatan ini mereka teruskan kerana kegiatan pengeluaran hasil pertanian masih tidak dapat menampung sepenuhnya keperluan hidup mereka. Berbagai-bagai sebab menjadi faktor mengapa masyarakat Orang Asli masih tidak dapat bergantung sepenuhnya kepada kegiatan pertanian. Antara sebab yang utama mengapa pertanian tidak dapat dijadikan sebagai kegiatan yang boleh menjamin kehidupan mereka ialah kerana kedudukan hak mereka terhadap tanah hanya sebagai tenan ikut ehsan yang sekaligus pula membataskan ruang dan peluang bagi pihak dan agensi kerajaan untuk membantu memajukan sektor tersebut. Keadaan ini menyebabkan kegiatan pertanian Orang Asli itu sukar dimajukan bagi tujuan menyara kehidupan. Sebaliknya pula dalam peraturan-peraturan yang berkait dengan bantuan memajukan tanah pertanian telah ditetapkan syarat bahawa tanah yang boleh diberi bantuan untuk dimajukan adalah tanah yang telah sah hak pemilikinya dan jelas syarat-syarat yang dimaktubkan berkait dengan kegunaan tanah tersebut. Oleh sebab masyarakat Orang Asli tidak memiliki tanah secara milik peribadi maka dengan sendirinya mereka terlepas peluang untuk turut terlibat dan mendapat bantuan daripada kerajaan dalam usaha memajukan tanah pertanian. Kerana itu jugalah agensi-agensi lain dalam pembangunan ekonomi negara tidak dapat memberikan sumbangan mereka secara lebih berkesan dalam projek-projek pembangunan Orang Asli. Sebaliknya segala tanggungjawab itu dibebankan kepada JHEOA untuk mengendalikannya, sedangkan dari segi sejarah dan falsafah penubuhan Jabatan tersebut adalah untuk mentadbirkan hal ehwal Orang Asli sahaja bukan sebagai agensi pembangunan seperti yang wujud pada perbadanan seperti FELDA, FELCRA dan RISDA. Amat malang sekali kerana Akta 134 itu hanya meletakkan beban menguruskan hal ehwal Orang Asli itu kepada JHEOA sahaja dan tidak menyenaraikan agensi-agensi lain untuk turut sama bertanggungjawab membantu membangunkan masyarakat itu. Meletakkan tanggungjawab yang begitu besar kepada JHEOA untuk mengendalikan pembangunan sosial seperti memperbaiki taraf kesihatan, pelajaran, infra-struktur sosial lainnya serta pembangunan ekonomi adalah terlalu membebankan kerana JHEOA adalah sebuah agensi yang lebih cenderung kepada pentadbiran. Kerana itulah impak yang dibawanya paling sederhana kalau tidakpun meleset.

Tindakan mengasingkan pentadbiran Orang Asli daripada pentadbiran masyarakat Malaysia lainnya melalui penubuhan sebuah Jabatan yang khusus seperti JHEOA tidak akan meringankan tanggungjawab pembangunan dan dengan sendirinya pula menyangkal matlamat dan hasrat ingin mengintegrasikan masyarakat Orang Asli ke dalam masyarakat Malaysia yang lebih besar. Sebagai contoh (mengikut

maklumat yang diberikan) bila seseorang Orang Asli ingin mendapat bantuan atau nasihat dari agensi-agensi kerajaan, biasanya mereka dinasihatkan merujuk masalah mereka itu kepada JHEOA dahulu. Agensi-agensi kerajaan yang lain merasakan urusan tentang Orang Asli bukan urusan jabatan mereka. Implikasinya ialah seolah-olah masyarakat Orang Asli itu terasing dalam urusan kerajaan berbanding dengan masyarakat lain. Seolah-olah jabatan atau agensi lain itu terbatas bidang kuasanya kepada masyarakat yang bukan Orang Asli sahaja. Bila dari sudut layanan kerajaan telah menyediakan perkhidmatan yang berasingan antara masyarakat, sukarlah dibayangkan satu bentuk integrasi yang menyeluruh terlaksana.

Akta 134 ini juga menetapkan peraturan-peraturan bahawa kawasan atau rizab Orang Asli itu sebagai kawasan yang hanya boleh didiami oleh Orang Asli. Dalam seksyen 14 Akta 134 itu juga terdapat peruntukan yang melarang orang asing masuk atau berada dalam kawasan atau rizab Orang Asli. Ini dengan sendirinya menghalang peluang-peluang interaksi yang lebih akrab antara masyarakat luar dengan Orang Asli. Kehadiran peraturan-peraturan yang sebegini walaupun dalam keadaan-keadaan tertentu dirasakan perlu, tetapi kesannya pada jangka panjang tetap mencerminkan segregasi. Hal ini juga menjadi penyebab mengapa Orang Asli itu dilihat sebagai masyarakat terasing dan terpisah daripada Masyarakat Malaysia yang lain. Satu kesan lain yang timbul daripada Akta 134 ini ialah kawasan Rizab Orang Asli itu membayangkan satu kawasan larangan yang mundur dan penghuninya pula terdiri daripada penduduk yang miskin serba serbinya. Hal ini terjadi kerana kawasan ataupun rizab Orang Asli adalah merupakan daerah yang kurang sekali mendapat kemudahan pembangunan untuk membolehkan mereka keluar daripada belunggu kemiskinan. Dan kurangnya kemudahan pembangunan ini pula adalah berpunca daripada status tanah akibat daripada peruntukan yang telah ditetapkan oleh Akta 134 itu. Status tanah tersebut menghalang agensi-agensi kerajaan yang lain untuk turut terlibat membangunkan kawasan tersebut. Di samping itu pula kemampuan yang ada pada JHEOA untuk membawa pembangunan adalah terhad dan lebih bersifat kebajikan. Kesannya Orang Asli akan terus menjadi terpinggir dalam serba serbinya dan imej sebagai kumpulan masyarakat yang rendah sekali taraf harga dirinya akan berterusan.

MASYARAKAT SEMAI DAERAH TAPAH

Untuk perbincangan seterusnya saya paparkan satu hasil tinjauan terhadap kedudukan tanah dan masyarakat Orang Asli dari kumpulan Orang Semai yang tinggal di Kampung Batu 7, Batu 12, Batu 17 dan Batu 25 di daerah Tapah, Perak.

Tinjauan ringkas ini telah dibuat semasa menemani kumpulan mahasiswa kursus Etnografi Malaysia dari Universiti Kebangsaan Malaysia menjalankan latihan amali mereka selama seminggu di beberapa buah perkampungan Orang Asli daerah Tapah pada awal tahun 1990. Mengikuti tinjauan yang telah dibuat oleh Gomes (1986) di daerah ini, didapati kebanyakan daripada anggota masyarakat Semai sudah tidak lagi bergantung kepada amalan berhuma. Keadaan demikian bukan sahaja berlaku di kawasan ini malah dari laporan Nicholas (1985) keadaannya yang sama juga berlaku di Raub dan Betau, Pahang. Mengikuti Williams-Hunt juga amalan berhuma ini sudah hampir dua dekad ditinggalkan oleh masyarakat Semai di kawasan Slim. Sebaliknya masyarakat ini kini lebih banyak terlibat dalam mengeluarkan bahan-bahan yang boleh dipasarkan. Apa yang berlaku kini ialah perubahan orientasi ekonomi daripada pengeluaran untuk penggunaan sendiri (subsistence) kepada pengeluaran untuk tukaran. Ringkasnya mereka melihat kegiatan penghasilan itu sebagai satu tugas untuk mendapatkan duit dan bukan bekerja untuk mendapatkan makanan. Yang jelasnya pada masa kini masyarakat Semai itu telah terserap erat ke dalam sistem ekonomi kewangan dan pasaran. Justeru keadaan yang telah terbentuk sedemikian, maka usaha merancang pembangunan harus mengambil kira strategi-strategi dan memperbaiki sistem pengeluaran mereka yang telah ada itu, supaya pendapatan yang bakal diperolehi daripada pekerjaan tersebut dapat memperbaiki taraf dan kualiti kehidupan mereka. Pembangunan ekonomi sebaiknya tidak lagi terarah kepada penerusan tradisi penggunaan sendiri tetapi sebaliknya diarahkan kepada pasaran. Langkah-langkah demikian mungkin akan memudahkan kumpulan masyarakat itu menerima pembaharuan.

Satu perkara yang menarik daripada penemuan Gomes (1986) itu ialah bertambah kurangnya minat masyarakat Orang Asli kepada kerja-kerja berhuma, satu-satunya kegiatan tradisi yang telah mereka warisi sejak turun temurun. Alasan yang diberikannya ialah tanah yang mereka usahakan itu sudah tidak subur dahulu dan kini mereka sangat-sangat mementingkan wang. Besar kemungkinan situasi ini juga berpunca daripada kedudukan hubungan dan hak mereka terhadap tanah. Dalam situasi di mana ekonomi wang telah menerobos masuk ke dalam sistem kehidupan dan wang menjadi alat tukaran yang perlu untuk memenuhi keperluan asas, maka sesuatu masyarakat itu akan berusaha sedaya upaya untuk mendapatkannya supaya tuntutan kehidupan dapat dipenuhi. Dalam keadaan masyarakat Semai ini kegiatan berhuma itu menjadi terpinggir kerana hasil yang diperolehi terlalu kecil dan tidak berupaya memenuhi tuntutan kehidupan asas yang saban hari memerlukan wang. Untuk mengalih kegiatan berhuma kepada kegiatan menanam tanaman wang yang dapat menghasilkan wang ringgit bukan sahaja mereka tidak mempunyai kemampuan dan kepakaran malah mereka juga tidak

mempunyai hak yang jelas terhadap tanah yang diusahakan itu secara peribadi. Hal ini sangat merumitkan mereka. Tambahan pula Seksyen 10(3) Akta 134 itu ada mengatakan “pihak berkuasa negeri boleh dengan perintah menghendaki mana-mana Orang Asli meninggalkan dan berada di luar mana-mana kawasan tersebut...” Keadaan ini dan pengalaman yang pernah mereka alami kerana dipindahkan daripada satu tempat ke satu tempat lain menjadikan mereka sentiasa merasa bimbang dan tidak terjamin. Mengikut Itam Wali (1989) kejadian di mana pihak Kerajaan mengambil alih tanah milik Orang Asli bagi tujuan lain telah banyak berlaku, sedang berlaku dan mungkin akan berlaku lagi. Mereka sedar jika sekiranya kerajaan memerlukan kawasan mereka itu kerajaan akan mengambilnya tanpa mengira jumlah input modal pembangunan yang telah dicurahkan di kawasan-kawasan itu. Dengan menyedari hakikat ini mereka merasa khuatir untuk memajukan kegiatan bertani. Keadaan ini sedikit sebanyak memaksa Orang Semai untuk mengalihkan kegiatan mereka kepada mengeluarkan hasil hutan supaya dapat dipasarkan dan dengan ini wang tunai dapat diperolehi. Suatu perkara yang harus diberikan pertimbangan yang serius di sini ialah sejauh manakah masyarakat ini dapat bergantung kepada pengeluaran hasil hutan untuk mendapatkan wang, kerana saban hari hasil hutan itu kian pupus dan di samping itu juga ruang hutan yang ada telah menjadi bertambah kecil kerana kegiatan pembalakan dan pembangunan tanah oleh FELDA. Langkah-langkah segera perlu dimulakan dari sekarang untuk membolehkan masyarakat ini berdiri di atas kaki mereka sendiri dan tidak bergantung kepada subsidi kerajaan untuk terus hidup.

Masyarakat Orang Asli di daerah ini ditadbirkan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli peringkat daerah yang berpejabat di bandar Tapah. Jabatan ini dipimpin oleh seorang Pegawai Hal Ehwal Orang Asli Daerah dan dibantu oleh beberapa orang Pegawai Luar yang mentadbirkan bahagian Pendidikan dan Latihan, Pembangunan, Rancangan Pengumpulan Semula, Kesihatan dan Perubatan dan Penyelidikan dan Perancangan. Jumlah penduduk Orang Asli yang tinggal di dalam daerah ini ialah seramai 8280 orang yang terdiri daripada 1652 keluarga. Kesemua mereka ini menetap di dalam 71 buah kampung. Daripada 71 buah kampung ini hanya 5 buah sahaja yang telah diwartakan sebagai kawasan dan rizab Orang Asli. Empat daripadanya telah diwartakan dalam tahun 30an yang lalu dan satu lagi pada tahun 1967. Jumlah keluasan tanah yang diwartakan itu ialah 863 ekar dan didiami oleh 142 keluarga yang terdiri daripada 783 orang semuanya. Di samping itu terdapat pula 2 buah kampung yang terdiri daripada 30 buah keluarga yang telah diluluskan hak milik tapak rumah. Sebuah kampung lagi yang terdiri daripada 48 kelamin yang dianggotai oleh 240 penduduk sedang menunggu kelulusan pelepasan tanah Negeri (Stateland) seluas 420 ekar

untuk dijadikan projek tanaman kelapa sawit. Kampung-kampung selebihnya masih belum diwartakan sebagai Kawasan atau Rizab Orang Asli. Kini kampung-kampung ini terletak di dalam kawasan Hutan Simpan, Rizab Melayu, Kawasan Tadahan, Tanah Negeri (Stateland) yang bertaraf MC (lombong).

Jika kita lihat dari segi angka hanya lapan buah daripada 71 buah kampung Orang Asli yang kedudukan kawasan tanahnya terjamin kerana telah diwartakan. Tetapi bagi selebihnya kedudukan mereka di kawasan-kawasan yang telah mereka diami mungkin sejak ratusan tahun yang lalu itu masih tidak pasti. Hal ini berlaku kerana taraf tanah yang mereka diami itu tidak dapat dilepaskan sebagai Kawasan Rizab Orang Asli atau pun sebagai Kawasan Orang Asli kerana tanah tersebut mempunyai kepentingan-kepentingan lain. Bagi kumpulan-kumpulan yang terlibat hal ini tidak menjadi masalah selagi mereka dibenarkan tinggal di situ dan dibenarkan mengusahakan secara kecil-kecilan tanah tersebut untuk menyara kehidupan. Memiliki tanah atau kawasan itu secara kelompok atau peribadi bukanlah merupakan isu yang pokok selagi cara kehidupan tradisi mereka dapat diteruskan. Isu tanah ini akan timbul hanya apabila usaha untuk mengubah hidup mereka kepada kegiatan pertanian yang lebih baik ingin dimajukan. Selagi kawasan yang mereka diami itu bertaraf sebagai kawasan Hutan Simpan misalnya selagi itulah tidak ada projek pembangunan tanah dapat dijalankan. Justeru itu jugalah masyarakat ini telah menumpukan perhatian mereka kepada kegiatan mengeluarkan hasil hutan untuk mendapatkan wang tunai. Dan jika sekiranya mereka tidak sanggup berpindah ke kawasan lain yang boleh dimajukan mungkin taraf kehidupan mereka tidak dapat diperbaiki. Pihak JHEOA misalnya dalam keadaan ini akan hanya dapat memberi bantuan yang kecil sahaja seperti kemudahan membina rumah, binatang ternakan, alat-alat pertanian dan sebagainya. Oleh kerana masalah membangunkan Orang Semai ini berpunca daripada kedudukan tanah yang mereka diami dan mungkin juga kerana sebab-sebab lain, pentadbiran JHEOA lebih bertumpu kepada pembangunan sosial dan pengurusan daripada pembangunan ekonomi. Usaha pembangunan tanah secara besar-besaran seperti yang dilakukan oleh FELDA atau FELCRA atau RISDA tidak dapat dilakukan.

Selain daripada masalah yang timbul akibat daripada taraf tanah yang mereka diami, tidak kurang juga berlaku kejadian di mana kawasan-kawasan atau tanah Orang Asli berpindah hak kepada orang perseorangan, institusi kerajaan dan badan-badan swasta seperti estet. Sebagai misalan 20 ekar tanah di Kampung Batu 6, Jalan Cameron Highland, Tapah telah menjadi kawasan pertanian kelompok Orang Melayu, 300 ekar di kawasan Rasau dalam mukim Slim telah diambil oleh FELDA dan 80 ekar tanah di Kampung Batu Sepuluh, Tapah telah diambil

oleh Eden Estate. Nasib Orang Asli di Kampung Batu Sepuluh ini masih baik kerana tanah 80 ekar itu telah dapat mereka perolehi semula daripada estet tersebut. Kejadian-kejadian mengambil tanah Orang Asli ini bukanlah satu perkara yang baru. Ia telah lama berlaku dan kerana itulah dalam Akta 134 di bawah Seksyen 12 disediakan peruntukan yang menyatakan pampasan boleh dibayar jika tanah mereka itu diambil. Yang menjadi masalah ialah Orang Asli itu sendiri biasanya tidak jelas seluas manakah kawasan tanah yang mereka miliki. Agak sukar bagi mereka untuk menentukan sama ada kawasan mereka itu telah diteroka atau diambil oleh orang lain. Jika sekiranya mereka kurang peka kepada kawasan mereka yang sebenarnya, maka pengambilan kawasan itu oleh orang lain akan terlepas begitu sahaja.

Dalam usaha memajukan Orang Asli ini dan untuk membolehkan pembangunan pertanian sampai kepada masyarakat ini pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Daerah Tapah telah mengajukan permohonan supaya kawasan-kawasan yang didiami oleh masyarakat Orang Asli itu diwartakan. Sehingga ini pihak JHEOA telah memohon kepada Pihak Berkuasa Negeri Perak supaya diwartakan tanah seluas lebih kurang 18,475.08 ekar. Kawasan tersebut meliputi 28 buah perkampungan yang dihuni lebih kurang 4,272 orang penduduk atau 854 keluarga. Jika kita nisbahkan kadar keluasan kawasan yang dipohon untuk diwartakan berbanding dengan bilangan keluarga yang ada di perkampungan tersebut, maka didapati setiap keluarga akan memperolehi tanah seluas 21.63 ekar tiap-tiap sebuah. Keadaan ini merupakan kewajaran yang perlu diperhitungkan oleh pihak Berkuasa Negeri. Apakah nisbah tersebut merupakan nisbah yang munasabah. Antara soalan lain yang boleh kita timbulkan sebagai pertanyaan ialah mengapakah kawasan yang dipohon itu terlalu luas berbanding dengan bilangan penduduk yang ada. Di sinilah terletaknya delima yang dihadapi oleh pihak JHEOA. Mereka mengajukan permohonan untuk mewartakan sesuatu kawasan itu sebagai kawasan Orang Asli berdasarkan konsep tanah 'saka' yang diamalkan oleh masyarakat tersebut.

Tanah 'saka' merupakan satu wilayah di mana sesebuah kumpulan itu sejak dari turun temurun lagi hidup berpindah randah di dalam ruang tersebut mengusahakan padi huma dan di samping itu menanam tanaman kekal seperti petai dan durian. Apabila kesuburan tanah huma itu telah hilang mereka akan meninggalkannya supaya kesuburannya pulih semula dan membuka kawasan baru yang lain sebelum kembali semula ke kawasan yang pertama tadi. Dalam kegiatan berhuma dari satu tempat ke tempat lain dalam wilayah saka itu tanaman kekal seperti pokok durian dan petai dan juga kubur lama dijadikan tanda bahawa kawasan itu telah diteroka dan menjadi milik kumpulan tersebut. Tanah itu juga dianggap sebagai warisan dan tinggalan daripada nenek moyang mereka. Saban

tahun apabila tiba musim buah anak-anak cucu mereka akan pergi ke tempat-tempat di mana pokok ini pernah ditanam untuk memungut hasilnya. Cara ini dapat menyedarkan generasi kemudian tentang 'saka' yang mereka miliki itu dan sedapat mungkin kalau kawasan itu ingin diwartakan mereka akan memohon supaya seluruh saka itu dapat dianggap sebagai kawasan Orang Asli kerana mereka telah menerokanya.

Keadaan ini sangat-sangat menyulitkan pihak berkuasa negeri untuk membuat pertimbangan. Masalahnya bukan sahaja kerana kawasan itu terlalu luas untuk diberikan kepada satu kumpulan yang kecil bilangannya, tetapi juga berkait rapat dengan kemampuan yang ada pada kumpulan itu untuk memaju dan mengusahakan tanah itu. Tidak akan menjadi sesuatu yang bermunafaat jika tanah yang begitu luas diberikan tetapi tidak berupaya dimajukan bagi tujuan membangunkan sebuah kehidupan yang lebih baik. Untuk mengatasi masalah yang demikian langkah-langkah yang lebih realistik seperti mewujudkan Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) dengan memberikan tanggungjawab kepada FELDA atau FELCRA untuk memajukannya serta bimbingan pertanian moden perlulah diberikan kepada peserta-peserta. Projek ini sebaiknya dibuat secara kecil-kecilan dahulu dengan memilih beberapa puluh keluarga yang dianggap mempunyai potensi dan berdaya maju untuk dijadikan sebagai kumpulan contoh. Apabila projek ini berjaya dan dapat dilihat oleh kumpulan lain kejayaan yang dinikmati oleh pesertanya maka langkah-langkah untuk melibatkan kumpulan lain di dalam projek yang demikian akan menjadi lebih senang. Koperasi Orang Asli yang wujud kini boleh juga memainkan peranan dengan membangunkan tanah pertanian secara koperasi. Aktiviti berkoperasi yang sedemikian jika boleh membuahkan kejayaan akan menyemaikan semangat berdikari dan yakin diri pasti akan meningkatkan imej masyarakat Orang Asli. Usaha maju diri yang sebegini akan membebaskan kaum Orang Asli daripada belunggu pergantungan kepada kebajikan dan subsidi yang telah menjadi sebahagian daripada budaya hidup mereka sejak beberapa dekad yang lalu.

RUMUSAN

Daripada perbincangan yang ditimbulkan itu, satu perkara pokok yang ketara menjadi masalah dalam membangunkan ekonomi kaum Semai di daerah Tapah, menyangkut undang-undang pemilikan tanah yang termaktub dalam Akta 134. Walaupun masyarakat Orang Asli merupakan kaum pribumi di negara ini, tetapi Akta 134 itu tidak menyediakan ruang bagi Orang Asli memiliki tanah sendiri seperti yang dapat dinikmati oleh kaum lain. Mereka hanya mempunyai hak untuk

menggunakan tetapi bukan hak memiliki. Mengikuti Nik Mohd. Zain Yusoff (1989) sehingga tahun 1981 yang lalu, hanya 38,748 ekar tanah sahaja yang telah diwartakan sebagai Rizab Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia walaupun jumlah keluasan yang telah dipohon oleh JHEOA untuk diwartakan ialah 333,285 ekar.

Untuk membolehkan masyarakat Orang Asli melibatkan diri secara lebih aktif dalam pembangunan ekonomi, perlulah Akta 134 itu disemak semula dan diperbaiki. Peruntukan yang membolehkan masyarakat Orang Asli memiliki tanah secara pribadi mestilah disediakan. Tanah Rizab Orang Asli itu perlulah dikekalkan untuk selama-lamanya seperti yang dilaksanakan kepada Tanah Rizab Melayu. Keadaan ini akan mengurangkan kuasa Pihak Berkuasa Negeri dalam tindakan membatalkan kawasan-kawasan Orang Asli yang telah diwartakan. Peruntukan yang demikian akan memberikan rasa jaminan dan keselamatan kepada Orang Asli dan dengan sendirinya akan menambahkan rasa sayang mereka kepada kawasan itu serta menimbulkan keyakinan dan kesanggupan untuk memajukan tanah tersebut. Dengan adanya peruntukan yang baru dan hak milik peribadi terhadap tanah, agensi-agensi kerajaan yang terlibat dengan pembangunan ekonomi akan dapat bertindak dengan mudah membantu membangunkan masyarakat Orang Asli. Selagi tidak ada usaha mewujudkan peruntukan undang-undang yang positif terhadap usaha membangunkan masyarakat Orang Asli ini selagi itulah usaha pembangunan yang aktif dan berkesan tidak dapat dilaksanakan untuk membawa munafaat kepada kumpulan masyarakat asal Malaysia yang telah tertinggal ini. Akta 134 perlu sekali dinilai semula dan diperbaiki untuk membolehkan pembangunan yang bermakna dilaksanakan.

RUJUKAN

- Baharon, B.A.R. *Some aspects of the relationship of the Orang Asli and other Malaysians*. Kuala Lumpur. JHEOA.
- Carey, Iskandar. 1976. *Orang Asli The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: OUP.
- Carey Iskandar. 1976. *Orang Asli Tanah Melayu dan Masa Depan*. Mimeo, KL: JHEOA.
- Cerutti, G.B. 1904. The Sakais of Batang Padang, Perak. *JMBRAS*, 41: 113-117.
- Couillard, Marie-Andrea. 1980. *Tradition in Tension. Carving in a Jah Het Community*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Dentan, R.K. 1968. *The Semai: A Non-Violent People of Malaya*. London: Holt Rinehart, Winston.
- Gall, P.L. 1977. Temuan socio-economic change: An 1977 ecological model. Dalam *Cultural-ecological perspectives on Southeast Asia*, W. Wood (ed.) Athens, Ohio: Ohio Uni. Centre for International Studies, SEA Programme.

- Gomes, A.G. 1986. Things are not what they Seem: Semai Ekonomi in the 1980s. Kertas Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia 11.
- Gomes, A.G. 1988. Masyarakat Semai di Perak: Satu Tinjauan Etnografi. Kertas Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia 11.
- Hasan Mat Nor. 1975. Proses Peralihan di kalangan komuniti Semai di Pos Bersih: Satu Kajian Kes. Tesis Sarjanamuda, Jabatan Antropologi & Sosiologi, UKM.
- Hood, H.M.S. 1975. Ethnohistorical perspective and social change among the Orang Asli. *Jurnal Antropologi & Sosiologi* 4: 1-11.
- Hood, H.M.S. 1980. Orang Asli as Peasants. Kertas Conference on Development: The Peasantry and Development in the ASEAN Region.
- Hood, M.S. & Hasan Mat Nor. 1985. Roads are for Development? Some aspects of Jah Het Social Change. *Development Forum* 14: 19-27.
- Itam Wali Nawan. 1989. Penyertaan Orang Asli dalam Bidang Ekonomi Semasa DEB dan Strategi-strategi untuk masa Hadapan.. Kertas Seminar Pembangunan Sosial dan Ekonomi Orang Asli.
- Jimin, I. 1972. A brief note on the Orang Asli of Peninsular Malaysia and their administration. K. Lumpur, JHEOA.
- Jones, A. 1968. The Orang Asli: an outline of their progress in modern Malaya. *Journal of Southeast Asian History* 9: 286-305.
- Nik Mohd. Zain Yusoff. 1989. Halangan-halangan kepada Usaha-usaha Membangun Masyarakat Orang Asli: Tanah dan Rezab Orang Asli. Kertas kerja Persidangan Pembangunan Orang Asli Semenanjung Malaysia.
- Tamadan, J. 1976. Orang Kuala Rengit: Satu gambaran Umum dengan Penekanan pada Kegiatan Ekonomi dan masalah yang berkaitan dengannya. Jab. Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya.
- Voon, P.K., S.H. Khoo & Zaharah Hj. Mahmud. Integrated surveys for socio-economic change among the Orang Asli in Peninsular Malaysia. *Fed. Mus. Journal* 24: 145-158.

Jabatan Antropologi & Sosiologi
Fakulti Sains Kemasyarakatan & Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor D.E.

